

USAHA-USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA AL-ARQAM MELALUI SYARIKAT RUFQA' CORPORATION SDN. BHD. (SRC) DAN LAIN-LAIN SYARIKAT

Oleh:
Zamri bin Abdul Halim
Cawangan Aqidah, Bahagian Penyelidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Abstrak

SRC ataupun Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn.Bhd. adalah sebuah syarikat yang diumpamakan sebagai musang berbulu ayam kerana ia mempunyai serampang dua mata. Pada pandangan orang awam ianya hanya sebuah syarikat yang menyediakan alternatif kepada orang melayu dalam menjalankan aktiviti perniagaan makanan dan penjualan buku-buku agama atau mengenai perjuangan Haji Ashaari yang berdaftar tetapi pada pandangan pihak berkuasa agama dan pihak keselamatan negara ianya berselindung di sebalik nama tersebut untuk menghidupkan semula kegiatan kumpulan Al-Arqam melalui amalan yang bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam sebenar. Artikel ini cuba memaparkan hakikat sebenar syarikat yang didakwa milik bumiputera ini sehinggalah kegiatannya difatwakan haram oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-75. Adalah diharapkan masyarakat akan mendapat gambaran sebenar mengapa ianya diharamkan.

PENDAHULUAN

Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd.(SRC) telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1997 sewaktu Haji Ashaari Muhammad ditahan di bawah ISA di Rawang, Selangor yang mana pemilik dan Pengerusi Eksekutifnya adalah Haji Ashaari Muhammad sendiri merangkap bekas Syeikhul al-Arqam.

Segala maklumat berkenaan dengan syarikat ini boleh diakses melalui laman web: www.rufaqa.com.

Pada dasarnya, SRC adalah ditubuhkan oleh bekas pengikut Kumpulan Darul Arqam yang telah diharamkan pada tahun 1994.

Menurut laporan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), SRC telah membuat 5 siri *road show* seluruh negara antara bulan April dan Mei 2006 bertujuan mempromosikan buku Ashaari berjudul Ashaari Pemimpin Ajaib. Mereka juga dilaporkan telah mengadakan 15 perjumpaan sulit dengan bekas ahli al-Arqam dalam tempoh Januari hingga April 2006.

Isu SRC menjadi perhatian umum apabila Stesen TV3 menerusi Buletin Utama pada 16 dan 17 Jun 2006 telah membuat liputan khusus berkenaan dengan usaha menghidupkan semula Kumpulan Darul Arqam yang telah diharamkan. Pendedahan oleh TV3 itu telah mendapat reaksi daripada masyarakat yang memberi komen serta pandangan menerusi email kepada stesen berkenaan.

Pada 27 Jun 2006, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Mesyuarat Isu Semasa Aqidah yang dihadiri JAKIM, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Polis di Raja Malaysia (PDRM) bagi membincangkan isu kegiatan Rufaqa'.

Mesyuarat Panel Kajian Aqidah JAKIM pada 17 hingga 19 Julai 2006 di De Palma Hotel, Ampang telah membincangkan Kertas kegiatan Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. Mesyuarat telah memutuskan **bahawa ajaran yang dibawa oleh SRC adalah sesat bahkan lebih menyeleweng daripada ajaran al-Arqam dan bersetuju supaya dibuat fatwa pengharaman terhadap SRC.**

AKTIVITI-AKTIVITI SYARIKAT RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD. (SRC)

Memanfaatkan ICT

SRC telah memanfaatkan teknologi ICT sebagai serampang dua mata iaitu untuk mengembangkan syarikat sekaligus sebagai usaha menghidup dan menyebarkan kembali ajaran kumpulan DarulArqam (KDA) yang telah diharamkan. Laman www.rufaqa.com. Manakala laman web rasmi (induk) SRC. Laman web yang mempunyai kaitan langsung dengan SRC adalah seperti berikut:

(a) <http://www.rufagadaily.com/>

(Laman web ini merupakan media rasmi SRC untuk menghebahkan segala aktiviti Rufaqa' di Malaysia).

- (b) <http://www.rufaqamedia.com/> (Laman web ini belum beroperasi sepenuhnya. Laman ini menyediakan muat turun untuk ceramah-ceramah, Rufaqa' TV dan Rufaqa' Radio)
- (c) <http://www.mawaddah.com.my/v2/index.asp>
(Laman web rasmi bagi kumpulan Mawaddah)
- (d) <http://www.motivasiharmoni.com/>
(Laman web rasmi bagi Pusat Motivasi Harmoni).

Rangkaian Perniagaan

Berasaskan **rekod pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang diperolehi pada 6 September 2006, terdapat 5 syarikat yang didaftarkan atas nama Rufaqa'. Syarikat tersebut adalah seperti berikut :-

- (a) Rufaqa Corporation Sdn. Bhd,
- (b) Rufaqa Enterprise Sdn. Bhd,
- (c) Rufaqa Selatan Sdn. Bhd,
- (d) Rufaqa Technology Sdn. Bhd,
- (e) Rufaqa Ternak Sdn. Bhd

Rekod juga menyatakan terdapat **80 premis perniagaan** yang didaftarkan atas nama Rufaqa'. Daripada jumlah tersebut, **43 buah premis diklasifikasikan masih aktif**, **21 buah** pula telah **ditamatkan** pendaftarannya, manakala **16 buah lagi telah tamat tempoh pendaftaran.**

SRC memiliki empat pusat utama projek perniagaan yang telah dibangunkan iaitu:

- a. **Projek Rufaqa' Tengah (Bandar Country Homes dan Kota Damansara)**
- b. **Projek Rufaqa' Utara (Kedah)**
- c. **Projek Rufaqa' Selatan (Rompin, Pahang)**
- d. **Projek Rufaqa' Timur (Kelantan, Terengganu)**

- (ii) Satu lagi syarikat di bawah rangkaian perniagaan SRC ialah Kumpulan Mawaddah. Kumpulan ini ditubuhkan pada 2002 di Amman, Jordan oleh pelajar Malaysia. Aktiviti Mawaddah lebih tertumpu kepada bidang kesenian, kebudayaan dan perniagaan makanan.

- (iii) Selain itu, SRC juga terlibat di dalam perniagaan khidmat nasihat (*consultancy*) melalui **Pusat Motivasi Harmoni**. Pusat ini menawarkan pakej program yang menasaskan jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan institusi pengajian.

PENEMUAN AJARAN DAN AMALAN AHLI SRC YANG BERCANGGAH DENGAN AQIDAH DAN SYARIAT ISLAM

JAKIM telah mendapati penemuan ajaran dan amalan pengikut SRC yang **bercangguh dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan syariat Islam**. Penemuan tersebut diperolehi daripada kajian JAKIM, siasatan pihak PDRM, ceramah orang kanan SRC sendiri dan aduan bekas pengikut al-Arqam. Penemuan-penemuan tersebut adalah seperti berikut:

Kesalahan Yang Bercangguh Dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah

- (i) Haji Ashaari bin Muhammad adalah **Sahibul Zaman (Mujaddid)**, manakala Syeikh Muhammad al-Suhaimi pula sebagai **Imam Mahdi**.
- (ii) Haji Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Setiap ramalan tersebut dianggap oleh jamaah SRC sebagai sebahagian daripada jadual Tuhan untuk memberi kemenangan kepada mereka.
- (iii) Haji Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu secara langsung (ilmu ladunni) daripada **Syeikh Muhammad al-Suhaimi dan Rasulullah SAW** berkenaan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan.
- (iv) Mujaddid atau *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) **mendapat ilmu terus dari Allah** (ilham, ilmu *ladduni* atau *kasyaf*) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain. Ilham dari Tuhan datang kepadanya seperti air sungai yang mengalir.
- (v) Ahli jamaah yang banyak menghayati minda Abuya (Haji Ashaari) dan dapat pula melaksanakannya adalah orang yang paling kuat hubungan mental dengan Abuya.

- (vi) **Minda Abuya** itu sebenarnya adalah **wahyu dari Tuhan**. Bagaimanapun, wahyu yang diturunkan kepada Abuya adalah 1/46 daripada kenabian.
- (vii) Allah hendak mengangkat kembali Islam di akhir zaman dengan **menghantar Sahibul Zaman (Haji Ashaari bin Muhammad), Imam Mahdi (Syeikh Muhammad al-Suhaimi)** dan Nabi Isa A.S yang telah tersedia oleh Allah untuk melaksanakan jadual Tuhan.
- (viii) Minda Abuya difahami sebagai **intisari Quran dan hadith** dan **Abuya** adalah **orang Tuhan** yang berupaya menyampaikan intisari tersebut kepada pengikutnya untuk diamalkan. Dengan itu, tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith kerana minda abuya sudah lengkap.
- (ix) Perjuangan jamaah SRC **dibantu dan dilindungi** oleh para **Rijal Ghaib** yang terdiri daripada para malaikat, jin Islam dan roh-roh *muqaddas* (roh suci para ahli jemaah bekas al-Arqaam yang telah meninggal dunia).
- (x) **Bertawassul kepada Abuya** ketika menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan. Dengan tawassul tersebut, Abuya akan menghantar bantuan samada menggunakan jin Islam atau dengan karamahnya.
- (xi) Abuya adalah manusia yang hebat. Malahan, lebih hebat daripada kita jika mempunyai 10 orang ibu dan ayah sekalipun kerana menurut mereka hubungan dengan ibubapa hanya terbatas di dunia, sedangkan hubungan dengan Abuya kekal sehingga ke akhirat.
- (xii) **Allah akan memberitahu Abuya** tentang **musibah sakit** yang dialami oleh ahli jamaah SRC. Sekiranya sakit tersebut tidak tertanggung oleh ahli jamaah, Abuya boleh meminta agar Allah meringankan derita pada kadar yang mampu ditanggung oleh ahli jemaah.
- (xiii) Abuya mempunyai kelebihan untuk **menangguhkan ajal** sekiranya ahli jemaah yang sampai ajal itu masih banyak dosa.
- (xiv) Abuya **boleh meminta Allah menggantikan ajal** kepada ahli jemaah lain yang telah sempurna iman dan taqwa.

- (xv) Sewaktu ahli jamaah sedang nazak, **Abuya akan hadir dan berada di sebelah kanan kepala dengan mengajarkan talkin.** Dengan itu, syaitan tidak akan menyesatkan ahli jamaah itu.
- (xvi) Sewaktu ahli jamaah sedang disoal oleh malaikat di alam kubur, **Abuya akan datang menemani dan menjawab soalan malaikat** bagi pihak ahli jamaah. Dengan itu, ahli jamaah terlepas seksaan kubur.
- (xvii) Sewaktu di padang mahsyar, **Abuya menunggu-nunggu untuk memberikan syafaatnya** kepada para pengikutnya.

Kesalahan Yang Bercanggah Dengan Syariah Islamiyyah

- (i) **Ibadat sembahyang jumaat pada mereka adalah tidak wajib** kerana kerajaan yang ada sekarang bukan kerajaan Imam Mahdi. Apabila Imam Mahdi muncul dan membentuk kerajaan barulah ibadat sembahyang Jumaat menjadi wajib.
- (ii) *Sahibul Zaman* (Haji Ashaari bin Muhammad) tidak memerlukan kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana **ilmunya datang terus dari Allah dalam bentuk ilham.**
- (iii) Orang yang berjuang dengan mempunyai minda Abuya adalah **lebih tinggi pahala dan darjatnya** jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai minda dalam perjuangan.
- (iv) Seorang ahli ibadah ('*Abid*) hanya mampu menjadi hamba biasa kerana tidak mempunyai minda (wahyu) dan tidak boleh menjadi khalifah.
- (v) Quran yang ada sekarang hanya tinggal mashaf dan lafaz sahaja. **Roh Quran telah ditarik balik oleh Tuhan dan hanya diberikan kepada mujaddid (Haji Ashaari bin Muhammad).**
- (vi) Sembahyang sehari semalaman hanya **tiga waktu sahaja** iaitu Subuh, Sembahyang jamak antara Zohor dan Asar serta maghrib dan isyak.
- (vii) Segala amalan baik di dunia **tidak dapat menandingi amalan pengikut Abuya** walaupun seseorang itu bersembahyang, berpuasa dan berpuluh kali menunaikan ibadat haji.
- (viii) **Duduk semajlis dengan Abuya** pahalanya lebih tinggi daripada mengerjakan sembahyang selama 40 tahun atau sembahyang tahajjud sepanjang hayat.

- (ix) Beramal dengan Aurad Muhammadiyah sebagai satu cara untuk menjaga hubungan hati atau rohani dengan Abuya. Dengan mengamalkan Aurad Muhammadiyah, para jamaah akan sentiasa dipantau dan dibimbing secara rohaniah oleh Abuya.
- (x) Amalan *Aurad Muhammadiyah* akan terbatal sekiranya para jamaah melakukan dosa besar, tidak mengamalkannya tujuh hari berturut-turut, tidak taat dan yakin serta mengaibkan Abuya.
- (xi) Mengamalkan zikir agung (الذكر الأعظم) yang terkandung di dalamnya unsur tawassul, menyeru roh orang yang telah mati serta mendakwa bahawa al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

– (... و خصوصا إلي حضرة سيدي الشيخ محمد بن عبد الله السحيمي الإمام المهدي ...)

– (... أحضروا يا سيدي الشيخ محمد السحيمي (٣ كالي ساتو نفس) ساي مينتا دأجر كن كفد ساي كرامة فننچق سوندا دان دفكر كن بادن ساي درفد سنجاتا دان موسوه دُعن إذن الله تعالي) .

Bercanggah Dengan Akhlak Dan Etika Bermasyarakat

- (i) Ulama yang ada sekarang adalah **ulama kitab** atau **ulama hafalan** yang bergantung kepada kitab dan hafalan untuk mengajar. Manakala *Sahibul Zaman* pula, ilmunya datang terus dari Tuhan.
- (ii) Orang yang menuntut ilmu agama sehingga ke peringkat Phd adalah **tidak bermanfaat** kerana ilmu yang dituntut itu bersumberkan kitab lama dan ketinggalan zaman.
- (iii) Memandang rendah kepada para ulama sekarang dengan mendakwa ilmu mereka tidak seberapa berbanding dengan ilmu orang Tuhan (Haji Ashaari bin Muhammad).
- (iv) Allah melarang ulama yang berwatak Nabi berjuang melainkan setelah munculnya mujaddid yang berwatak Rasul.

HUJAH DAN DALIL

Kajian JAKIM mendapati jamaah SRC telah menerapkan kepada pengikutnya kepercayaan-kepercayaan yang bercanggah dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syariah Islamiyyah. Antara kepercayaan yang dikhuatiri menjejaskan aqidah adalah:

Syeikh Muhammad al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi. Ashaari bin Muhammad sendiri adalah Sahibul Zaman (Mujaddid).

Ulasan:

Soal Imam Mahdi adalah soal yang berkaitan dengan agama yang secara langsung melibatkan perkara aqidah dan syariah. Persoalan Imam Mahdi juga adalah berbentuk kepercayaan atau pegangan maka ianya dianggap sebagai perkara aqidah. Mereka-reka atau menokok-tambah perkara aqidah adalah tergolong dalam perbuatan *bid'ah* yang sesat. Dengan yang demikian, menentukan bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi sebagai Imam Mahdi yang tidak berlandaskan nas yang qat'ie adalah perbuatan *bid'ah* yang sesat. Penentuan Imam Mahdi adalah bukan perkara yang boleh diijtihadkan kerana ianya bukan perkara di bawah asas taklif dalam syariat Islam. Allah dan RasulNya sahaja yang mempunyai hak menentukan asas kepercayaan.

Ashaari bin Muhammad mempunyai kelebihan meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan perkara-perkara ghaib.

Ulasan :

Allah SWT berfirman dalam surah al-Naml ayat 65:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ
 أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

"Katakanlah (hai Muhammad) tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah."

Berasaskan ayat di atas, Syeikh Muhammad bin Soleh bin 'Uthaimin di dalam kitabnya "Fatawa al-'Aqidah" cetakan kedua, Dar al-Jail, Beirut, hal. 375 menyebut bahawa: "Hukum mereka yang mendakwa mengetahui perkara ghaib adalah kafir kerana ia telah mendustakan ayat Allah SWT berdasarkan ayat di atas."

Firman Allah dalam surah al-jinn ayat 26;

عَلِيمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

Maksudnya;

“Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuinya itu kepada sesiapa pun”

Nabi Muhammad SAW sebagai manusia yang paling muliapun tidak mengetahui perkara ghaib, bagaimana manusia biasa boleh mengaku dapat meramal dan mengetahui perkara ghaib. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 50 :

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ
لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِن اتَّبَعُوا إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ
وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya :

“Katakanlah: “Aku tidak mengatakan kepadamu, bahawa perbendaharaan Allah ada padaku, dan tidak pula aku mengetahui perkara ghaib dan tidak pula mengatakan kepadamu bahawa aku seorang malaikat. Aku tidak mengikuti kecuali apa yang diwahyukan kepadaku.”

Beramal dengan *Aurad Muhammadiyah* yang pada mereka ianya diambil secara yaqazah dari Rasulullah SAW

Ulasan:

Wilayah Persekutuan telah mewartakan fatwa pengharaman *Aurad Muhammadiyah* dan kumpulan Darul Arqam melalui warta kerajaan P.U. (B) 362. bertarikh 11hb Ogos 1994 dengan pernyataan berikut:

“A. Bahawa-

- (i) buku yang bertajuk “*Aurad Muhammadiyah* Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan” yang ditulis oleh Ustaz Haji Ashaari Muhammad dan isi kandungannya; dan
- (ii) “*Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi*” yang ditulis oleh Muhammad Taha As Suhaimi dan juga yang ditulis oleh pihak-pihak lain dalam semua bahasa dan isi kandungannya,

(iii) Bahawa Kumpulan Darul Arqam @ al-Arqam yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam buku bertajuk “*Aurad Muhammadiyah* Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan” dan “*Manaqib* (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi” adalah diharamkan...”

Ashaari bin Muhammad mendapat ilmu terus dari Allah (ilham, ilmu ladduni atau kasyaf) yang meliputi soal agama, dunia, hal ehwal semasa, pemerintahan, bina insan dan lain-lain.

Ulasan:

Perkataan *ladunni* sebenarnya disandarkan kepada ladun bermakna dari sisi. Bagaimanapun kedudukan orang yang mendakwa memperoleh ilmu dari sisi-Nya telah dicela dengan keras oleh Allah kerana menyandarkan kepada diri-Nya sesuatu yang bukan datang dari sisi-Nya. Firman Allah dalam surah Ali 'Imran ayat 78;

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُونَ أَلْسِنَتَهُم بِالْكِتَابِ لِتَحْسَبُوهُ
مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ
مِنَ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya;

“Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (Ketua-ketua ugamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca Kitab Taurat (dengan mengubah ma'nanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari Kitab Taurat padahal ia bukanlah dari Kitab itu, Dan mereka pula berkata: “(bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah”, padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).”

Menurut Dr. Yusof al-Qaradhawi; setakat ini tidak diketahui ada ulama' yang menafikan secara mutlak berlaku ilham dan kasyaf kepada orang-orang tertentu. Seterusnya beliau menambah bahawa kedua-

duanya bukan menjadi sumber syara'. **Kasyaf dan ilham** tidak termasuk dalam **asbab al-makrifah** atau sumber ilmu yakin kerana sumber ilmu hanya terbatas kepada tiga perkara:

- (a) Pancaindera yang sejahtera
- (b) Khabar yang benar iaitu al-Quran dan Hadith
- (c) Akal yang sihat.

Minda Ashaari bin Muhammad adalah wahyu Tuhan. Bagaimanapun, wahyu yang diturunkan kepadanya adalah 1/46 daripada kenabian.

Ulasan :

Dakwaan sebegini seolah-olah menganggap bahawa wahyu masih berterusan sedangkan wahyu sudah terhenti dengan penurunan ayat dalam surah al-maaidah ayat 3;

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ، وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْنَقْسِمُوا يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya;

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat disembelih

(sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan ni'matKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”

Ashaari bin Muhammad boleh memberi bantuan kepada pengikutnya dengan bertawassul kepadanya sewaktu menghadapi sesuatu kesulitan atau kecemasan.

Ulasan :

Ibn Taimiyyah menyebut di dalam kitab “Majmu’ah fatawa” jilid satu, hal. 55 :

”وكذلك ما يفعله كثير من الناس من استنجاد الصالحين والمتشبهين بهم والإستعانة بهم أحبباء و أمواتا، فإنني أنكرت ذلك في مجالس عامة وخاصة»

Maksudnya:

“Dan demikian juga apa yang selalu diamalkan oleh sebahagian manusia seperti memohon bantuan orang soleh dan orang yang berlagak soleh serta memohon pertolongan dengan mereka sama ada yang masih hidup atau yang telah mati, sesungguhnya daku menafikan (tidak bersetuju) perkara tersebut di majlis-majlis khas atau umum”.

Allah SWT sahaja yang berkuasa untuk membantu dan memberi pertolongan. Manusia sebagai hamba tidak memiliki keupayaan melainkan dengan izin Allah.

Minda Ashaari adalah intisari Quran dan hadith. Dengan itu, tidak perlu lagi merujuk kepada Quran dan Hadith kerana minda sudah lengkap.

Ulasan:

Allah SWT di dalam al-Quran memerintahkan orang Islam supaya kembali kepada al-Quran dan Hadith Nabi dalam menangani pelbagai isu dan menyelesaikan pertikaian dalam perkara agama. Allah berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 59 :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِي الْاَمْرِ مِنْكُمْ فَاِنْ نَنْزَعْنٰمْ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ذٰلِكَ حَسُنَ تَاْوِيْلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya :

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

Dalam menjelaskan perkara ini Imam Abu al-Hasan al-Asy'aari pengasas mazhab Asyairah telah menyebut di dalam kitabnya 'al-Ibanah 'an usul al-diaanah', Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, muka surat 14 :

”قولنا الذي نقول به، وديانتنا التي ندين بها: التمسك بكتاب ربنا عز وجل، وسنة نبينا عليه السلام...“

Maksudnya:

Pendapat yang kita berpegang dengannya, serta pegangan agama kita adalah: berpegang teguh dengan kitab Tuhan kita serta dengan sunnah nabi kita...

Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dua sumber hukum yang utama di dalam Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah. Mana-

mana kelompok yang menolak kedua-dua sumber tersebut maka kelompok tersebut adalah telah terseleweng daripada landasan Islam yang sebenar.

Persamaan Antara Fahaman Pegangan SRC Dengan Kumpulan Darul al-Arqam adalah seperti berikut:

Bil.	Ajaran Dan Pegangan SRC	Ajaran Dan Pegangan al-Arqam Dahulu
I.	Pendokong-pendokong utama yang menerajui SRC seperti Fakhrrur Razi bin Shaari, Mej. (B) Abu Dzahrim bin Tahrem merupakan bekas pemimpin kumpulan al-Arqam,	Keluarga Ashaari Muhammad termasuk Isterinya Ummu Jah dan anak-anak merupakan tunggak utama kepada kumpulan tersebut. Begitu juga dengan Mej. (B) Abu Dzahrim bin Tahrem.
II.	Menanam doktrin pendewaan agar taksab kepada Ashaari Muhammad sebagai seorang mujaddid, sahibul zaman, orang Tuhan dan pemberi syafaat.	Ashaari Muhammad adalah guru mursyid tarekat Aurad Muhammadiyah, wali, mujaddid, ketua toifah. Beliau diagungkan dengan cara para pengikutnya memakai lencana yang terpapar potret Ashaari Muhammad.
III.	Berpegang kepada doktrin Imam Mahdi yang akan menolong mereka di dunia dan memberi syafaat di akhirat. Mereka juga masih beriktihad bahawa Sheikh Muhammad as-Suhaimi tidak mati, hanya ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi.	Mempercayai Sheikh Muhammad as-Suhaimi belum mati tetapi hanya ghaib yang akan keluar sebagai Imam Mahdi untuk membantu anggota-anggota Arqam untuk memenuhi sesuatu hajat.
IV.	Berpegang dan mengamalkan Aurad Muhammadiyah yang telah difatwakan haram. Bahkan menganggapnya sebagai medium hubungan hati dan rohani dengan Ashaari Muhammad.	Percaya bahawa Sheikh Muhammad as-Suhaimi menerima Aurad Muhammadiyah dari Rasulullah SAW secara yaqazah dan beramal dengannya sebagai amalan tarekat Aurad Muhammadiyah.

V.	Menggunakan terminologi yang sama dengan kumpulan al-Arqam, sebagai contoh; abuya, jadal tuhan, orang tuhan, kasyaf, mujaddid, minda, Sahibul zaman dan lain-lain.	Penggunaan terminologi dengan cara yang salah dan mengelirukan seumpama abuya yang merujuk kepada Ashaari Muhammad, jadal tuhan, orang tuhan, minda dan lain-lain tersebar luas di kalangan pengikut Arqam.
VI.	Memberi jaminan bahawa kedudukan kelompok mereka adalah istimewa di sisi Allah SWT dengan mendapat taubat dan syurga hasil syafaat Rasulullah SAW dan Imam Mahdi.	Pengikut yang menerima bai'ah daripada Ashaari Muhammad merasakan kumpulan yang eksklusif dan didapati menjalani kehidupan secara berasingan dengan masyarakat awam.
VII.	Corak propaganda yang mengecam dan memperkecilkan ulama semasa yang di luar dari kelompok mereka.	Kumpulan Arqam dahulu menonjolkan kewibawaan Ashaari Muhammad dengan memandang rendah kepada ulama dan cerdik pandai kerana dianggap hanya ulama mencari makan.
VIII.	Mengamalkan penempatan berpusat yang menjadi pengkalan bagi menjalankan aktiviti harian, pendidikan, perniagaan dan kesenian seperti di Bandar Country Homes.	Pusat kegiatan al-Arqam yang utama sebelum pengharamannya terletak di Sungai Penchala. Mereka menjalani kehidupan secara berasingan dengan masyarakat awam yang lain. Selain itu terdapat juga perkampungan-perkampungan lain di seluruh Malaysia.

Penyimpangan dan Penyelewengan Baru Yang Ada Kaitan Dengan al-Arqam.

Beberapa ajaran dan pegangan baru yang didapati lebih jauh menyimpang dan menyeleweng dari ajaran Islam telah diterapkan kepada pengikut-pengikut bekas al-Arqam melalui saluran SRC. Antara ajaran-ajaran tersebut adalah seperti berikut:-

Bil.	Penyelewengan Terbaru SRC	Ajaran al-Arqam Dahulu
I.	Mendewakan Haji Ashaari Muhammad secara melampau ke taraf mujaddid, Orang Tuhan serta beliau mendapat wahyu terus dari Allah di samping menerima beberapa perintah terus dari Rasul dan Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi.	Pendewaan lebih tertumpu kepada Sheikh Muhammad as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi yang dikatakan ghaib dan akan muncul di akhir zaman. Ashaari hanya sebagai pembantu utama pemuda Bani Tamim yang akan membantu perjuangan Imam Mahdi.
II.	Minda abuya (Haji Ashaari Muhammad) setaraf dengan wahyu.	Ashaari Muhammad pada zaman Arqam hanyalah syeikhul Arqam yang mengetuai toifah. Tidak timbul soal mindanya setaraf dengan wahyu. Pendekatan dahulu minda hanya sekadar buah fikiran dan ilham Ashaari.
III.	Mendakwa abuya (Haji Ashaari Muhammad) sebagai seorang yang mempunyai karamah yang dapat meramal dan mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan perkara-perkara ghaib.	Ashaari Muhammad hanya pembantu pemuda sebelah Timur dari Bani Tamim yang akan membantu Imam Mahdi. Beliau dilihat sering meramal perkara akan datang namun, ramalannya adalah tidak betul seumpama dalam masalah pengganti Perdana Menteri.

IV.	Mendakwa abuya (Haji Ashaari Muhammad) dapat memberikan syafaat kepada pengikut-pengikutnya samada di alam kubur, sewaktu nazak mahupun di hari akhirat	Dakwaan sebelum ini lebih tertumpu kepada peranan Sheikh Muhammad as-Suhaimi sebagai Imam Mahdi yang mempunyai kelebihan dan karamah untuk menolong pengikut al-Arqam.
V.	Mendakwa bahawa ilham, kasyaf dan ilmu ladunni sebagai sumber syariat yang bertaraf wahyu. Hal ini mendorong kepada berlakunya syariat baru kepada kumpulan tersebut dan pengikut-pengikutnya.	Dari sudut amalan syariat, secara umumnya mereka tidak berbeza dengan ahli Sunnah Waljamaah, Hanya terdapat kes-kes tertentu yang dilihat tidak menepati tuntutan akhlak dan syariat umpamanya masalah poligami, mengutamakan Ashaari daripada ibubapa dan lain-lain.
VI.	Mempercayai kewujudan roh muqaddas, iaitu roh suci para ahli jemaah yang telah meninggal dunia yang dinaiktaraf sebagai roh muqaddas. Roh muqaddas ini akan memberi pertolongan kepada perjuangan jemaah di dunia.	Pengikut Arqam yang terdahulu didapati ada mengaitkan amalan dengan jin. Hal ini dikesan melalui amalan persilatan yang dinamakan silat Sunda. Silat ini dapat dikuasai tanpa belajar dan dengan cara mengamalkan amalan-amalan tertentu. Sebelum ini, tidak timbul isu roh muqaddas.
VII.	Mendakwa bahawa Ashaari Muhammad boleh mengubah takdir dan ajal seperti meringankan sakit, memindahkan dan menangguhkan ajal kepada orang lain.	Sebelum ini tidak timbul kebolehan Ashaari Muhammad yang memiliki keistimewaan mengubah takdir dan ajal.

TINDAKAN-TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL TERHADAP SRC

Mesyuarat Khas Mengenai Isu-Isu Semasa Aqidah (SRC) pada 27 Jun 2006 yang diadakan di JAKIM dan dihadiri oleh wakil KKDN, BKN dan PDRM dalam membincangkan isu SRC telah mengambil pandangan seperti berikut :

- (a) Bahawa pengikut SRC berpegang dengan ajaran yang sama dengan fahaman al-Arqam sebelum ini. Mereka juga sedang giat berusaha untuk menghidupkan kembali ajaran dan pengamalan Aurad Muhammadiyah yang menjadi pegangan Kumpulan Darul Arqam yang diharamkan pada tahun 1994;
- (b) SRC telah melanggar fatwa berhubung ajaran Kumpulan al-Arqam yang telah diwartakan pada tahun 1994 dan boleh diambil tindakan melanggar dan menghina fatwa, atau mengeluarkan fatwa baru mengharamkan SRC; dan
- (c) Kemunculan semula ajaran Arqam pimpinan Ashaari boleh membawa ancaman kepada aqidah umat Islam dan keselamatan Negara.

Mesyuarat Panel Kajian Aqidah pada 17 hingga 19 Julai 2006 telah bersetuju mengambil keputusan seperti berikut :-

“bahawa ajaran yang dibawa oleh SRC adalah sesat bahkan lebih menyeleweng daripada ajaran al-Arqam dan bersetuju supaya dibuat fatwa pengharaman terhadap SRC.”

Mesyuarat Task Force Menangani Usaha Menghidupkan Semula Arqam yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dengan dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan pada 28 Ogos 2006 telah bersetuju supaya agensi-agensi kerajaan yang berkaitan mengambil tindakan ke atas SRC mengikut bidang kuasa yang ada di bawah agensi masing-masing.

FATWA DAN PEWARTAAN MENGENAI AL-ARQAM SEBELUM INI

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 31 Mac 1994 telah mengambil keputusan seperti berikut:

- (i) Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah menggunakan peruntukan yang ada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam sepenuhnya di dalam usaha untuk membanteras kegiatan Darul Arqam seperti peruntukan mengajar tanpa tauliah, membuka sekolah tanpa kebenaran dan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah.
- (ii) Kumpulan al-Arqam diminta bertaubat dan perlu dinasihati oleh raja-raja dan sultan sebelum diambil tindakan pemulauan.

عَلِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٧٦﴾

Berikutan dari fatwa pengharaman oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, negeri-negeri juga telah mengeluarkan fatwa masing-masing iaitu Wilayah Persekutuan (28 Jun 1994), Kedah (18 Julai 1994), Pulau Pinang (17 Julai 1994), Negeri Sembilan (6 Julai 1994), Melaka (2 Julai 1994), Perlis (29 Julai 1994), Kelantan (17 Julai 1994), Perak (30 Jun 1994), Selangor (12 Julai 1994), Johor (21 Julai 1994), Pahang (27 Julai 1994), Terengganu (10 Julai 1994), Sabah (9 Julai 1994), Sarawak (17 Julai 1994). Kesemua fatwa oleh negeri-negeri di Malaysia diwartakan pada tahun yang sama iaitu tahun 1994.

KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 12 September 2006 bagi kali ke-75 telah memutuskan bahawa ;

- (i) Bahawa ajaran pengikut-pengikut Syarikat Rifaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan lain-lain syarikat yang berkaitan dengannya adalah mempunyai persamaan ajaran dan fahaman dengan Kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-34 pada 31 Mac 1994;
- (ii) Berdasarkan persamaan ajaran dan amalan yang dinyatakan, pengikut-pengikut SRC dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya boleh disabitkan dengan fatwa pengharaman Kumpulan Darul Arqam @ al-Arqam yang telah dibuat oleh Jawatankuasa ini pada kali yang ke-34; dan

- (iii) Apa-apa pewartaan mengenai pengharaman Kumpulan Darul al-Arqam digunapakai bagi maksud menghalang aktiviti kumpulan SRC dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya.